

'Tetap pendirian BERSIH haram'

Perhimpunan cetus huru hara beri kesan negatif terhadap kaum, agama

Oleh Nazura Ngah
nazura@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Majlis Fatwa Kebangsaan tetap berpendirian haram bagi umat Islam menyertai perhimpunan atau demonstrasi bertujuan tidak baik, melanggar undang-undang serta mencetuskan huru-hara dan kekaucauan dalam negara.

Pendirian itu sekali gus menolak ketetapan Majlis Syura Ulama PAS yang memutuskan perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April lalu, tidak bercanggah dengan syariat.

Pengerusinya, Prof Tan Sri Dr Abd Shukor Hussin, berkata keputusan sebulat suara yang dicapai pada muzakarah ke-99 jawatankuasa majlis itu, awal bulan lalu turut disepakati Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

Beliau berkata, dalam membuat keputusan itu, pihaknya mengambil kira bukan saja kesan penganjuran BERSIH 3.0, sebaliknya dua perhimpunan BERSIH terdahulu dan beberapa demonstrasi penunjuk perasaan di negara ini.

Mengulas mengenainya, Abd Shukor berkata, kebanyakan demonstrasi mendatangkan kesan negatif sama ada terhadap perseki-



taran, perpecahan, persengketaan dan ketegangan kaum serta agama. "Malah, jika demonstrasi itu berhasrat untuk menjatuhkan mana-mana pemerintah yang dipilih rakyat secara sah, maka jelas hukumnya haram," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kelmarin, portal berita melaporkan Majlis Syura Ulama PAS menolak pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan yang dilihat bersikap negatif terhadap perhimpunan BERSIH pada 28 April lalu.

Badan tertinggi parti Islam itu



Malah, jika demonstrasi itu berhasrat untuk menjatuhkan mana-mana pemerintah yang dipilih rakyat secara sah, maka jelas hukumnya haram



Abd Shukor Hussin
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

berpendapat, perhimpunan pimpinan Datuk S Ambiga itu bukan saja tidak bercanggah dengan syariat, malah paling sesuai menentang 'kezaliman' pemerintah.

"Ia selari syariat menegakkan amar makruf dan nahi mungkar," menurut kenyataan majlis yang dipengerusikan Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Diminta mengulas kenyataan Majlis Syura Ulama PAS bahawa amalan demonstrasi mempunyai asas menurut sunnah dan sejarah Islam, Abd Shukor berkata, amalan

terdahulu tidak mendatangkan kerosakan berbanding ketika ini.

Katanya, apa juga yang dibawa kepada kerosakan di atas muka bumi ini, ia tidak selari dengan syariat Islam dan umat Islam ditengah daripada menyertainya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Islam mempunyai kaedah tersendiri dalam menangani perbezaan pandangan iaitu menggunakan pendekatan berhikmah dengan memberikan nasihat dan jika tidak didengari, boleh diadakan dialog untuk mencari penyelesaian.

Katanya, rakyat Malaysia mempunyai kaedah menerusi amalan demokrasi yang dipersetujui secara konsesus iaitu sistem menukar kerajaan setiap lima tahun sekali.

"Kita tidak seharusnya mengambil contoh di Asia Barat kerana negara kita mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan. Mungkin wujud kekurangan yang sepatutnya diperbaiki bersama, bukan menjatuhkan kerajaan.

"Jika rakyat Palestin mengadakan tunjuk perasaan, kita menyokong kerana mereka dizalimi setiap hari tetapi jika rakyat negara ini tidak puas hati dengan pilihan raya, tidak seharusnya menerusi demonstrasi," katanya.